



AGENCY
INNOVATION
MALAYSIA

PROSPERING INNOVATION



**Laporan
Tahunan**
Annual Report
2019

ISI KANDUNGAN TABLE OF CONTENTS

WAWASAN, MATLAMAT & OBJEKTIF VISION, MISSION, OBJECTIVE	04
AKTA AIM 2010 AIM ACT 2010	05
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF AIM STATEMENT BY CHIEF EXECUTIVE OFFICER AIM	06
PENGURUSAN AIM AIM MANAGEMENT	10
CARTA ORGANISASI ORGANISATION CHART	12
INNOVATING MALAYSIA INNOVATING MALAYSIA	14

INISIATIF-INISIATIF INITIATIVES

MENYEMAI BUDAYA BERFIKIR CULTIVATING A THINKING CULTURE	20
 Program Genosis Genosis Programme	
INOVASI UNTUK MASYARAKAT DAN OLEH MASYARAKAT INNOVATION FOR & BY SOCIETY	24
 Inovasi Sosial Social Innovation	
MEMUDAHKAN KOLABORASI INDUSTRI-AKADEMIA FACILITATE INDUSTRY-ACADEMIA COLLABORATION	30
 Steinbeis Malaysia Foundation Steinbeis Malaysia Foundation	
MENTRANSFORMASI SEKTOR STRATEGIK TRANSFORMING STRATEGIC SECTORS	34
 Strategi Biomass Nasional 2020 National Biomass Strategy 2020	

PEMANGKIN PENGKOMERSILAN CATALYSE COMMERCIALISATION	38
 PlaTCOM Ventures Sdn Bhd PlaTCOM Ventures Sdn Bhd	
 Peluang Perniagaan Inovasi Innovation Business Opportunities	
 Pelaburan Strategik Strategic Investment	
SOROTON MEDIA MEDIA HIGHLIGHTS	48
PERISTIWA KORPORAT CORPORATE EVENTS	56
PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL OVERVIEW & ANALYSIS	62
PENYATA KEWANGAN FINANCIAL STATEMENTS	68
PENAFIAN DISCLAIMER	126

WAWASAN, MATLAMAT & OBJEKTIF

VISION, MISSION & OBJECTIVES

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) diwujudkan sebagai penggerak penjana kekayaan menerusi pengetahuan, teknologi dan inovasi bagi menggalakkan dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia. Kami membentangkan asas inovasi yang menginspirasi dan melahirkan usahawan inovatif generasi baru.

Dua matlamat jelas AIM:

- Membawa kepada kesejahteraan masyarakat secara holistik melalui pemupukan ekosistem inovasi.
- Memacu agenda inovasi kebangsaan untuk menjana kekayaan baru.

Ini dicapai dengan memudahkan kolaborasi antara Kerajaan, Akademia dan Industri dalam meningkatkan penyatuan dan pelaksanaan idea-idea baru di dalam inovasi.

WAWASAN VISION

Menjana kekayaan menerusi pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Wealth creation through knowledge, technology and innovation.



MISI MISSION

Merangsang dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020.

To stimulate and develop the innovation ecosystem in Malaysia towards achieving Vision 2020.



Agensi Inovasi Malaysia (AIM) was created to jump start wealth creation through knowledge, technology and innovation to stimulate and develop the innovation ecosystem in Malaysia. We lay down the foundation of innovation that inspire and produce a new generation of innovative entrepreneurs.

AIM has two clear goals:

- To bring about holistic societal well-being through cultivation of the innovation ecosystem
- To drive the national innovation agenda to generate new-wave wealth

This is achieved by facilitating collaboration between Government, Academia and Industry in advancing the consolidation and execution of new ideas in innovation.

OBJEKTIF OBJECTIVES

Menjana pendapatan tambahan dan menyumbang kepada KDNK Malaysia.
Generate additional revenue and contribute to Malaysia's GDP.

Menyediakan pekerjaan tambahan untuk tenaga kerja Malaysia.
Provide additional jobs for the Malaysian workforce.

Menginspirasi dan melahirkan usahawan inovatif generasi baru.
Inspire and produce a new generation of innovative entrepreneurs.

Memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menjadi pemain global utama.
Facilitate the evolution of Malaysian companies into major global players.

AKTA AIM 2010

AIM ACT 2010

Berdasarkan cadangan daripada Unit Inovasi Khas (UNIK) yang berfungsi sebagai pusat pemikir strategik untuk inovasi, kerajaan telah merangka satu rang undang-undang bagi penubuhan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang bertujuan untuk merangsang dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020 dengan menggalakkan kewujudan kekayaan baru untuk negara dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Rang undang-undang AIM dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada 13 Disember 2010 sebelum diluluskan pada bacaan kali ketiga dan terakhir pada 21 Disember 2010. Ia menjelaskan mengenai rasional dan falsafah penubuhan AIM.

Based on the recommendations by Unit Inovasi Khas (UNIK), which functions as a strategic think tank for innovation, the government initiated a bill for the establishment of Agensi Inovasi Malaysia (AIM) with a mission to stimulate and develop the innovation ecosystem in Malaysia towards achieving vision 2020 that would spur the creation of wealth for the nation and ensure sustainable economic growth.

The AIM bill was tabled for its first reading in Parliament on December 13, 2010, before being passed on its third and final reading on December 21, 2010. It spells out the rationale and philosophies behind AIM.

Akta AIM 2010 juga menghuraikan secara terperinci mengenai mandat khusus badan berkanun ini iaitu untuk:
The AIM Act 2010 also enumerates the specific mandate of the statutory body, which is:



Merumuskan dasar, strategi dan haluan negara yang berhubung dengan inovasi.
To formulate national policies, strategies and directions relating to innovation.



Menguruskan, bekerjasama dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti dengan sektor awam dan swasta untuk merangsang inovasi di Malaysia.
To organise, cooperate in and coordinate the performance of activities with the public and private sector to stimulate innovation in Malaysia.



Membuat pertanyaan, tinjauan dan penganalisan data, penyelidikan dan pembangunan yang berhubung dengan inovasi dan ekosistem inovasi negara.
To conduct inquiries, survey and analysis of data, research and development relating to innovation and the national innovation ecosystem.



Menggalakkan dan memudahkan aktiviti dan inisiatif pelaburan oleh sektor awam dan swasta berhubung dengan inovasi.
To promote and facilitate investment activities and initiatives by the public and private sector in relation to innovation.



Menggalakkan lagi budaya inovasi dalam sektor awam, swasta dan pendidikan di Malaysia.
To further promote the culture of innovation in the public, private and education sectors in Malaysia.



Menasihati Kerajaan dalam perkara yang berhubung kait dengan inovasi.
To advise the Government in matters relating to innovation.



Memberi saranan berhubung dengan komponen inovasi dalam projek strategik negara yang sedia ada atau yang bakal dibuat.
To make recommendations relating to the innovation component of existing or future strategic national projects.



Menjalankan apa-apa fungsi lain yang difikirkan perlu untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.
To carry out any other functions as deemed fit to enable it to perform its functions effectively or which is incidental to the performance of its functions.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF AIM

STATEMENT BY
CHIEF EXECUTIVE
OFFICER AIM

**NASER
JAAFAR**

Ketua Pegawai Eksekutif AIM
Chief Executive Officer AIM

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang ditubuhkan untuk menjana sumber-sumber pendapatan negara yang baru untuk rakyat, telah memulakan langkah sedekad yang lalu untuk mengkomersilkan pelbagai Harta Intelekt (IP) milik pusat pengajian tinggi dan pusat penyelidikan Malaysia, serta yang dimiliki oleh firma-firma tempatan, para pencipta, jurutera-jurutera kreatif dan pemikir umum dalam masyarakat.

Sejak awal lagi, inisiatif AIM telah membantu mempercepat proses pengkomersilan dengan menyediakan rangkaian perhubungan secara langsung bagi para pencetus inovasi, penyelidik, usahawan, teknokrat, ahli perniagaan dan pelabur yang bekerjasama membawa pembaharuan bagi produk dan perkhidmatan.

Anak syarikat AIM, PlaTCOM Ventures Sdn Bhd dan Steinbeis Malaysia, sebuah badan bukan berasaskan keuntungan yang memudahkan kolaborasi akademik-industri, telah mempelopori pelbagai aspek pengkomersilan penyelidikan akademik dan harta intelek, serta inisiatif yang membantu inovasi dari golongan akademik dan industri di negara ke arah pengkomersilan.

Bagi yang mencari peluang perniagaan yang inovatif (IBO), AIM telah membimbing mereka untuk merungkai pelbagai kemungkinan bagi mengkomersilkan Aset Tidak Ketara yang wujud dalam syarikat dan organisasi mereka, atau yang sedang bercambah sebagai idea dalam minda keusahawanan mereka. Selain menjadi saluran untuk penemuan IBO, AIM telah membantu mereka yang berfikir inovatif untuk mengenalpasti potensi aset tidak ketara milik mereka sendiri dalam usaha merintis laluan dan pendekatan baharu bagi pengkomersilan inovatif.

Untuk memudahkan proses ini, AIM mengubah pendekatan pengkomersilan dengan menawarkan penyelesaian dan membuka peluang melalui PlaTCOM dan Steinbeis Malaysia untuk meningkatkan kreativiti dan daya cipta; mengukuhkan R&D yang didorong oleh pasaran; mencari serta menyebarkan teknologi baru; membangunkan serta menarik minat individu-individu berbakat; meningkatkan kesedaran mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi, dan mengukuhkan kerjasama serta perkongsian yang mencari peluang pengkomersilan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

“AIM juga telah memupuk inovasi dan kemahiran keusahawanan untuk masa depan dalam bidang sosial negara, yang antara lainnya, telah memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan punca pendapatan serta taraf hidup keluarga dan masyarakat menerusi program Inovasi Sosial.”

“AIM has also fostered innovation and entrepreneurial skills for the future within Malaysia’s social sphere that, among others, had introduced initiatives to improve family and community livelihood and living standards through the agency’s Social Innovation programme.”

Established to create new sources of national income for the rakyat, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) had set out a decade ago to commercialise myriad Intellectual Property (IP) in Malaysian institutions of higher learning and research centres, as well as those in the hands of local firms, inventors, creative engineers and general tinkerers in the general populace.

From the outset, AIM’s initiatives has helped accelerate the process of commercialisation by directly linking innovators, researchers, entrepreneurs, technocrats, business operators and investors who collaborate in real-time to innovate new products and services.

AIM’s subsidiary PlaTCOM Ventures Sdn Bhd and non-profit Academia-Industry facilitation arm Steinbeis Malaysia, have both spearheaded different aspects of commercialising academic research and IP, as well as initiatives that seek business solutions to assist innovators from the country’s Academia and Industry find various paths to commercialisation.

For those seeking innovative business opportunities (IBOs), AIM has guided them to discover the wealth of commercialisation possibilities for the Intangible Assets (IA) that they have within their companies and organisations, or germinating as ideas within their entrepreneurial minds. Besides being a channel for discovery of IBOs, AIM has helped innovative minds discover the potential of their own IAs to open new paths and offer fresh approaches to innovative commercialisation.

To facilitate this process, AIM transforms the approach to commercialisation by offering key solutions and headways via PlaTCOM and Steinbeis Malaysia to intensify creativity and inventiveness; strengthen market driven R&D; source and disperse new technologies; develop and attract talent; deepen awareness on Science, Technology and Innovation, and strengthen collaborations and partnerships that seek commercialisation opportunities in local and international markets.

Sehubungan itu, PlaTCOM telah melancarkan Islamic Innovation Challenge (IIC) 2019 buat kali kedua. Inisiatif nasional ini bertujuan untuk memacu sektor PKS Malaysia dalam mewujudkan penyelesaian inovatif yang sesuai bagi pasaran produk Halal yang kini dianggarkan bernilai lebih daripada AS\$3 trilion di seluruh dunia dan dijangka mencatat pertumbuhan pesat dalam dekad yang akan datang di pasaran Asia Pasifik, Amerika Utara, Eropah, Amerika Latin, dan Timur Tengah serta Afrika.

IIC 2019 PlaTCOM menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada PKS tempatan yang telah mengemukakan pelbagai penyelesaian dan produk Halal untuk penilaian yang tidak hanya terhad kepada makanan dan minuman. Cabaran ini dibuka kepada semua PKS Malaysia yang mempunyai inovasi yang dapat menyokong dan meningkatkan industri Halal dalam bidang seperti makanan, kewangan Islam, kosmetik, nutraseutikal, farmaseutikal, logistik, ubat-ubatan, vaksin dan makanan haiwan.

Empat peserta terpilih sebagai pemenang dalam kategori masing-masing selepas dinilai selama beberapa bulan oleh Lembaga Penasihat Halal IIC 2019 yang terdiri daripada ahli-ahli yang berpengalaman dan mempunyai kelayakan dalam pasaran Halal untuk mengenal pasti projek-projek yang paling sesuai untuk pengkomersilan dan pembiayaan. Pemenang akan diumumkan pada majlis anugerah khas pada tahun 2020.

Pada tahun 2019 Steinbeis Malaysia telah mengadakan satu dialog yang dihadiri oleh sektor awam dan swasta yang bertajuk “Unlocking Value in Intangible Assets (IAs): Driving Success, Failure and Higher Valuations”, yang berfokus kepada pengkomersilan dan peningkatan perniagaan. Dialog ini adalah anjuran bersama oleh AIM dan firma penasihat pakar IA EverEdge Global dari New Zealand.

Sesi sarapan dan dialog C-suite ini bertujuan untuk memberi kesedaran dalam kalangan syarikat-syarikat Malaysia mengenai nilai IA, yang merupakan aset dalam organisasi yang seringkali tidak diambil kira, kurang digunakan dan kurang dihargai, tetapi sebaliknya menyumbang kepada lebih daripada 87% nilai syarikat-syarikat di dunia hari ini.

Secara ringkasnya, inisiatif Steinbeis Malaysia untuk meningkatkan pengetahuan tentang IA mencerminkan pengalaman AIM selama sedekad dalam mencetuskan inovasi, di mana agensi ini mendapati bahawa sumber-sumber pewujudan nilai semakin berasaskan kepada IA, terutamanya yang berkaitan dengan Harta Intelek yang merupakan sumber kekayaan baharu dalam ekonomi global.

AIM juga telah memupuk inovasi dan kemahiran keusahawanan untuk masa depan dalam bidang sosial negara, yang antara lainnya, telah memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan punca pendapatan serta taraf hidup keluarga dan masyarakat menerusi program Inovasi Sosial. Pada tahun 2019, AIM telah menandatangani Surat Pertukaran dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Malaysia untuk bekerjasama dengan

Towards this end, PlaTCOM launched the second Islamic Innovation Challenge (IIC) 2019. This national initiative aims to drive Malaysia's SMEs to create innovative solutions tailored for the Halal and Islamic products market, currently estimated to be worth more than US\$3 trillion globally and expected to record exponential growth in the coming decade in the markets of Asia-Pacific, North America, Europe, Latin America, and the Middle East and Africa.

PlaTCOM's IIC 2019 received highly encouraging response from local SMEs that submitted for assessment a range of solutions and Halal products that went beyond the normal offerings of food and beverages. The challenge was opened to all Malaysian SMEs with innovations that can support and boost the Halal industry in areas such as food, Islamic finance, cosmeceuticals, nutraceuticals, pharmaceuticals, logistics, drugs and vaccines and animal feed.

Four entrants were selected as winners in their respective categories after months of assessment by the IIC 2019 Halal Advisory Board comprising experienced members with Halal market credentials to identify the projects that were the most deserving for commercialisation and funding. The winners will be announced in a special award ceremony in 2020.

Further commercialisation and business enhancement was explored by Steinbeis Malaysia in 2019 on the topic of “Unlocking Value in Intangible Assets (IAs): Driving Success, Failure and Higher Valuations”, in an event for private and public sector participants it co-organised with AIM and specialist IA advisory firm, EverEdge Global of New Zealand.

The C-suite breakfast and dialogue session was aimed at spreading awareness among Malaysian companies on the value of IAs, which are a class of assets within organisations that are often off balance sheet, under-utilised and under-valued but underpin more than 87% of company value in the world today.

In a nutshell, Steinbeis Malaysia's initiative to bring insight on IAs is reflective of AIM's own decade-long experience in motivating innovation where the agency has found that sources of value creation have become increasingly reliant on IAs especially those concerning Intellectual Property or IP, which is the new source of wealth in the global economy.

AIM has also fostered innovation and entrepreneurial skills for the future within Malaysia's social sphere that, among others, had introduced initiatives to improve family and community livelihood and living standards through the agency's Social Innovation programme. In 2019, AIM signed a Letter of Exchange with Malaysia's United Nations (UN) Country Team for a joint collaboration between AIM and the UN in a

PBB dalam satu program bagi merangsang pembangunan sosial untuk masyarakat perkampungan air di Sabah.

Laluan ke arah pemikiran komersil untuk masa akan datang juga diberi perhatian sewajarnya melalui Sistem Pengurusan Pendidikan Genosis (gEMS), yang menyemai Kemahiran Inovasi yang membantu melatih pelajar-pelajar sekolah untuk menjadi golongan dewasa yang digerakkan oleh idea-idea serta berkompentensi dan berkemahiran abad ke-21 yang akan secara aktif menyumbang kepada inovasi, keusahawanan dan pembangunan Malaysia yang akan datang.

Selain daripada mewujudkan peluang-peluang pengkomersilan segera dan boleh diukur bagi hasil penyelidikan inovatif dan akademik, AIM kini sedang membangunkan pelan perniagaannya untuk masa depan yang berlandaskan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030).

Agensi ini akan terus menyediakan laluan ke arah inovasi untuk mengembangkan hasil ekonomi bagi golongan berkepentingan dalam ekonomi Malaysia sejajar dengan aspirasi SPV 2030 untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi, dengan memberi tumpuan kepada pekerjaan berteknologi tinggi yang memerlukan kemahiran khusus, berbanding dengan pekerjaan buruh yang berkemahiran rendah.

Matlamat untuk membangunkan kemahiran kerja dan teknologi dalam kalangan rakyat telah dapat dilihat pada tahun 2019 melalui inisiatif berterusan AIM untuk mengukuhkan strategi transformasi biomas negara bagi mewujudkan sumber pendapatan baru.

Pada tahun 2019, AIM dan POIC Sabah Sdn Bhd dengan sokongan dari Kementerian Perdagangan dan Industri (MTI), Kerajaan Negeri Sabah telah bekerjasama menganjurkan Forum Biomas Antarabangsa Sabah (SIBF) 2019 untuk mengenengahkan konsep Ekonomi Kitaran bagi mencapai kelestarian dan peranan Sabah sebagai pembekal dan pemeroses biomas.

SIBF mewujudkan jaringan di kalangan pemain industri biomas serantau dan antarabangsa yang akan membantu mempercepatkan integrasi Sabah ke dalam rantai bekalan biomas dan yang berasaskan bio pada peringkat global, dengan harapan menjadikan Sabah sebagai sumber biomas dan hab pemerosesan serantau.

AIM melihat peranannya untuk merangsang komponen-komponen berlainan ekosistem inovasi nasional telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2019, dan akan terus memajukan inisiatif-inisiatifnya berdasarkan pembangunan dan penambahan nilai sumber semula jadi dan tenaga kerja yang pelbagai yang berpengalaman, berpendidikan serta berpengetahuan dalam dekad baru ini, bermula pada tahun 2020.

programme to stimulate social development for Sabah water village communities.

Designs for paths towards the commercialisation mindset in the future is also given due attention through Genosis Education Management System (gEMS), which inculcates Innovation Skills that help nurture schoolchildren into ideas driven adults with 21st century competencies and skills who will actively contribute to innovation, entrepreneurship, and the coming development of Malaysia.

Apart from creating immediate, measurable commercialisation opportunities for innovative and academic research outputs, AIM is now developing its business plan for the future based on the aspirations of the Shared Prosperity Vision 2030 (SPV 2030).

The agency will continue to provide the means and tools of innovation to grow the economic pie for Malaysia's economic stakeholders in tandem with the SPV 2030 aspiration to transform Malaysia into a high-income earning nation by focusing on high technology jobs that require specific skills rather than labour-intensive low skill jobs.

This aim of building up the rakyat's work and technological skills was reflected in 2019 by the continuing initiative of AIM to enhance the national biomass transformation strategy to create new sources of national income.

In 2019, AIM and POIC Sabah Sdn Bhd with the support from the Ministry of Trade and Industry (MTI), State Government of Sabah jointly organised the Sabah International Biomass Forum (SIBF) 2019 to highlight the concept of Circular Economy to achieve sustainability in Sabah's role as a biomass supplier and processor.

The SIBF networking event among regional and international biomass players will help accelerate Sabah's integration into the global biomass and bio based supply chain, with the intention of making the State a regional biomass source and processing hub.

AIM sees its role to stimulate the different components of the national innovation ecosystem play out successfully in 2019, and will continue to progress its initiatives based on the development and value-adding of natural resources and a diverse workforce that grow in age, education and knowledge awareness with each passing day in the new decade starting in year 2020.

PENGURUSAN AIM

AIM MANAGEMENT



OOI PANG KOK

Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer

NASER
JAAFAR

Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer

ABDULLAH
ARSHAD


Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer

ZURINAWATI
ZAINAL ABIDIN

Ketua Sekretariat
Head of Secretariat

CARTA ORGANISASI

ORGANISATION CHART



INNOVATING MALAYSIA

INNOVATING MALAYSIA



Enam Pendekatan Inovasi: Six Approaches To Innovation:



MENYEMAI BUDAYA BERFIKIR CULTIVATING A THINKING CULTURE

- Membekalkan generasi akan datang Malaysia dengan kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif melalui program-program seperti Genosis dan Program Design Thinking.
- Program-program ini direka bagi meningkatkan kemahiran berfikir pelajar sekolah rendah dan menengah kita dan kemahiran Design Thinking untuk para graduan.
- Program-program ini akan membantu merangsang budaya pemikiran inovatif dan kritikal dalam kalangan belia, sekaligus mewujudkan saluran perhubungan kreatif untuk inovasi pada masa depan.
- Equipping Malaysia's next generation with the ability to think critically and creatively via programmes such as Genosis and Design Thinking;
- These programmes are designed to enhance thinking skills for our primary and secondary school children and also Design Thinking for graduates.
- These programmes will also help foster a culture of innovative and critical thinking among youths and as such create a seamless creative pipeline for future innovations.



INOVASI UNTUK MASYARAKAT DAN OLEH MASYARAKAT INNOVATION FOR AND BY SOCIETY

- Menggerak kewangan sosial untuk mengalakkan NGO berkolaborasi dengan kerajaan dan sektor swasta bagi mengubah penglibatan dan penyampaian khidmat sosial.
- Mobilising social finance to leverage social NGOs to collaborate with government and the private sector to transform social intervention and service delivery.



MEMUDAHKAN KOLABORASI INDUSTRI-AKADEmia FACILITATE INDUSTRY-ACADEMIA COLLABORATION

- Memangkin pertambahan aktiviti kolaborasi antara industri dan akademik bagi menjana harta intelek yang tersedia secara komersil melalui Steinbeis Malaysia;
- Program-program ini akan membantu orang awam mempromosi inovasi, pemindahan ilmu dan memudahkan kerjasama antara Kerajaan, Rakyat, Akademik dan Industri bagi menghidupkan budaya inovasi terbuka yang sebenar;
- Program-program ini juga menyediakan platform inovatif alternatif kepada industri (terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana) melibatkan akademik untuk menyelesaikan keperluan sebenar perniagaan.
- Catalysing greater collaboration activities between industry and academia to generate commercial-ready IPs via Steinbeis Malaysia;
- These programmes will help the public to promote innovations, transfer knowledge and facilitate collaborations between Government, Rakyat, Academia and Industry to create a truly open innovation culture;
- These programmes also provide alternative innovative platforms for the industry (particularly SMEs) to engage the academia to solve real business needs.



MENTRANSFORMASI SEKTOR STRATEGIK TRANSFORMING STRATEGIC SECTORS

- Mentakrifkan strategi-strategi kebangsaan bagi mengubah sektor-sektor strategik di masa depan melalui program-program seperti Strategi Biomas Nasional 2020 dan Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020;
- Program-program ini akan merealisasikan strategi kebangsaan bagi mengubah Malaysia menjadi hab biomas global dan pelan halatuju untuk pilihan strategik dalam bidang-bidang penumpuan yang kompetitif dengan graphene sebagai pemboleh utama.
- Defining national strategies to transform strategic sectors of the future via programmes such as the National Biomass Strategy 2020 and the National Graphene Action Plan 2020;
- These programmes will deliver a national strategy to transform Malaysia into a global hub for biomass and a roadmap for strategic choices into competitive application areas with graphene as a key enabler.



MENGINOVASI ORGANISASI INNOVATING ORGANISATIONS

- Menyediakan sokongan kepada organisasi-organisasi sederhana dan besar berhubung inovasi menerusi program-program seperti Program Pembangunan Syarikat Tahap Pertengahan, Indeks Inovasi Korporat Kebangsaan dan Intellectual Capital Future Check.
- Menginovasi organisasi-organisasi dengan memberi sokongan kepada syarikat-syarikat tahap pertengahan dan besar untuk melangkah ke tahap berikutnya dan meraih pulangan hasil daripada inovasi.
- Providing support to mid-sized and large organisations on innovation via programmes such as the Mid-Tier Development Programme, National Corporate Innovation Index and the Intellectual Capital Future Check.
- Innovating organisations by providing support to mid-level and large organisations to make the jump to the next level and seek returns on innovation.



MENJADI PEMANGKIN PENGKOMERSILAN CATALYSE COMMERCIALISATION

- Membuat pelaburan terpilih bagi memangkin usaha-usaha baru dan perniagaan baru.
- Mewujudkan platform bagi harta intelek sedia ada di Malaysia.
- Portal JKPDA bakal menjadi pusat sumber maklumat bagi program-program pembiayaan dan kemudahan kajian penyelidikan dan pembangunan di negara ini.
- Portal ini juga akan digunakan bagi memantau dan menilai keberkesanan program-program pembiayaan itu;
- Program-program seperti Pelaburan Ekuiti dan PlaTCOM Ventures akan memperlihatkan AIM membantu menghasilkan kisah kejayaan global dengan jalinan kerjasama syarikat-syarikat yang menunjukkan potensi untuk mengkomersilkan inovasi-inovasi bertaraf dunia;
- Making selective investments to catalyse new ventures and startups.
- Creating platforms to monetise Malaysia's existing intellectual properties;
- The Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) portal will be the central source of information for funding programmes and public R&D facilities in the country.
- This portal will also be used for monitoring and evaluation of the effectiveness of the funding programmes.
- Programmes such as Equity Investments and PlaTCOM Ventures will see AIM helping to create global success stories by working with companies that show potential to commercialise world-class innovations.





INISIATIF- INISIATIF INITIATIVES



**MENYEMAI
BUDAYA BERFIKIR**
CULTIVATING A
THINKING CULTURE



**INOVASI UNTUK MASYARAKAT
DAN OLEH MASYARAKAT**
INNOVATION FOR & BY SOCIETY



**MEMUDAHKAN KOLABORASI
INDUSTRI-AKADEMIA**
FACILITATE
INDUSTRY-ACADEMIA
COLLABORATION



**MENTRANSFORMASI
SEKTOR STRATEGIK**
TRANSFORMING
STRATEGIC SECTORS



**PEMANGKIN
PENGGOMERSILAN**
CATALYSE
COMMERCIALISATION

Program Genosis

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Yayasan Genovasi telah memperkenalkan Program Genosis sebagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti pembelajaran. Program ini menyasarkan pelajar yang tinggi daya tahan dan bersiap siaga menghadapi masa hadapan, lengkap dengan kecekapan dan kemahiran abad ke-21 yang memenuhi aspirasi Kerajaan untuk menjana modal insan yang dinamik, progresif dan berdaya saing seiring dengan perkembangan semasa dan masa depan.

Pada Februari 2018, sejumlah 10 sekolah menengah kerajaan telah dipilih sebagai sekolah perintis untuk Program GenoBeta Genosis. Sepuluh buah sekolah tersebut adalah dari Selangor, Negeri Sembilan, Putrajaya, Kuala Lumpur dan lima daerah di Selangor dan Negeri Sembilan seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah.

Genosis Programme

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) in collaboration with Ministry of Education (MoE) and Genovasi Foundation introduced the Genosis Programme as an initiative to improve the quality of student learning. The program envisions students who are highly resilient and future-ready, complete with 21st century competencies and skills that fulfill the Government aspiration to generate dynamic, progressive and competitive human capital in line with current and future developments.

In February 2018, a total of 10 government secondary schools were selected as pilot schools for the launch of Genosis GenoBeta Programme. The 10 schools were from Selangor, Negeri Sembilan, Putrajaya, Kuala Lumpur and five districts in both Selangor and Negeri Sembilan as shown in Table 1 below.

Sekolah / School	Negeri / State
SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	Selangor
SMK SS17, Subang Jaya	Selangor
SMK Sg. Burong, Tanjung Karang	Selangor
SMK Pengkalan Permatang, Kuala Selangor	Selangor
SMK Bandar Baru Sri Sendayan, Seremban	Negeri Sembilan
SMK Warisan Puteri, Seremban	Negeri Sembilan
SMK Putrajaya Presint 11(1), Putrajaya	W.P Putrajaya
SMK Putrajaya Presint 18(1), Putrajaya	W.P Putrajaya
SMK Keramat Wangsa, Kuala Lumpur	W.P Kuala Lumpur
SMK Puteri Ampang, Kuala Lumpur	W.P Kuala Lumpur

Kerangka Genosis direka untuk menyemai rasa ingin tahu, kesedaran global dan kemahiran masa depan di kalangan pelajar dalam penyampaian mana-mana kurikulum kebangsaan.

Pembeza utama Genosis adalah pemfokusan program ini terhadap penerapan Pembelajaran Berasaskan Pertanyaan (IBL) dalam pengajaran subjek teras, Design Thinking dalam penyelidikan dan projek serta e-portfolio pelajar yang boleh diakses, yang menyediakan penilaian tentang ciri-ciri pelajar yang dibangunkan sepanjang persekolahan peringkat menengah.

Inovasi di Malaysia akan terdorong ke tahap yang lebih tinggi melalui penerapan elemen Genosis ke dalam pengajaran dan pembelajaran setiap hari, sebagai kaedah pembelajaran dan pemahaman yang mendalam. Tidak dinafikan wujud cabaran dalam usaha untuk mengubah minda dan menerima pendekatan yang merentas kurikulum dalam penyampaian kandungan kurikulum.

Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh setahun sejak pelaksanaannya, perubahan dapat dilihat di sekolah-sekolah. Sebagai contoh, para pelajar terlibat kini mampu menunjukkan keupayaan untuk menghasilkan idea-idea yang baru dan berbeza, yang mana ini adalah hasil terus daripada penglibatan mereka yang lebih aktif dan mendalam di dalam aktiviti pembelajaran.

Dari Januari 2019, Program GenoBeta Genosis telah dilaksanakan di semua bilik darjah Tingkatan 1, dan telah melibatkan lebih daripada 1,200 pelajar Tingkatan 1.

Satu program yang komprehensif telah dibentuk dan dijalankan bagi lebih daripada 600 guru Tingkatan 1, 2 dan 3 untuk memastikan pelaksanaan program yang berkesan.

Untuk mengukuhkan lagi program ini, AIM menerusi Yayasan Genovasi, (GF), telah membentuk Sistem Pengurusan Pendidikan Genosis (gEMS) yang memberi sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta berfungsi sebagai alat untuk pelajar mendemonstrasikan keberhasilan mereka dalam pembelajaran (pengetahuan, kemahiran, pemahaman konsep dan sikap). gEMS adalah rekod pembelajaran komprehensif dan unik, ataupun e-Portfolio individu, yang bertindak sebagai bukti tambahan tentang perjalanan proses pembelajaran pelajar yang boleh dikongsi dengan bakal majikan dan universiti.

Usaha juga telah dijalankan untuk menyediakan satu siri video pendek yang menunjukkan Pendekatan Genosis untuk Pembelajaran dan strategi pedagogi yang telah diterapkan ke dalam program ini. Video-video ini akan dimuatkan di portal gEMS sebagai sebahagian daripada bahan sumber untuk para guru menjalani program pembangunan profesional Genosis. Setiap video mempamerkan cara pengendalian sesi-sesi pembelajaran Genosis yang membantu guru-guru memahami dengan lebih mendalam tentang program ini.

The Genosis Framework is designed to embed inquisitiveness, global awareness and future skills among students in the delivery of any national curriculum.

Key differentiators of the Genosis programme are focus on embedding Inquiry Based Learning (IBL) in teaching of core subjects, Design Thinking in investigations and projects as well as exportable student e-portfolio, which provides an evaluation of student attributes developed over the course of their secondary school journey.

Embedding Genosis elements into everyday teaching and learning, as a vehicle for deep learning and understanding, will drive innovation in Malaysia and beyond. Undoubtedly it was quite a challenge to change mind-sets and to embrace a cross-curricular approach in delivering curriculum content.

However, over the period of 1 year since its implementation, changes can be seen in the schools. For example active engagement of students where students are showing the ability to produce ideas that are new and different and this is attributed to them becoming more involved in their learning.

From January 2019, the Genosis GenoBeta Programme was implemented in all Form 1 classrooms involving more than 1,200 Form 1 students.

Comprehensive programme content was developed and delivered to more than 600 Form 1, Form 2, and Form 3 teachers to ensure the most effective implementation of the programme.

To further strengthen the programme, AIM through its not-for-profit organisation Genovasi Foundation (GF), has developed a Genosis Education Management System (gEMS) that provide support for teaching and learning while serving as tool for students to demonstrate the outcomes of their learning (knowledge, skills, conceptual understanding and attributes). This comprehensive and unique learning record or individual e-Portfolio acts as supplementary evidence to a student's learning journey that can be shared with potential employers, universities and bursaries.

Efforts have also been made to provide a series of short videos that demonstrate the Genosis Approaches to Learning and pedagogical strategies embedded in the programme. These videos will be hosted on the gEMS portal as part of the Genosis Programme professional development resource for teachers. Each video is a showcase of Genosis lessons in action and assist teachers develop a deeper understanding of the identified practice.

Sehingga kini, 11 bengkel telah diadakan oleh 67 Jurulatih Utama di semua Sekolah Perintis pada tahun 2019 yang melibatkan lebih daripada 600 guru. Guru-guru ini akan mengajar mata pelajaran Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 pada tahun 2020, selaras dengan Program Fasa Rintis Genosis yang akan dilancarkan untuk lebih daripada 1,950 pelajar Tingkatan 1 dan 1,200 pelajar Tingkatan 2 pada tahun 2020 dan pelajar Tingkatan 3 pada tahun 2021.

To date, 11 workshops have been delivered by 67 Master Trainers in all Pilot Schools in 2019 involving more than 600 teachers. These teachers will be teaching Form 1 and Form 2 subjects in 2020, in line with the Genosis Programme Pilot Phase that will be rolled out to more than 1,950 Form 1 students and 1,200 Form 2 students in 2020 and Form 3 students in 2021.

Perancangan Masa Hadapan

Langkah yang akan diambil seterusnya adalah untuk mengukuhkan lagi kecekapan dan kemahiran kepimpinan yang diperlukan bagi menerajui dan menyokong pelaksanaan Program Genosis di sekolah-sekolah perintis. Latihan dan sokongan strategik akan disediakan untuk semua ketua-ketua Kanan dan Pertengahan untuk membolehkan mereka memahami dengan jelas serta memperbaiki lagi pelaksanaan Program Genosis, dan membuat penilaian formatif mengenai pembangunan dan kemajuan guru dan pelajar.

Apabila Program Fasa Rintis selesai pada Disember 2020, Program Genosis dijangka akan dilancarkan di 50 sekolah melalui suatu aplikasi khusus. Program fasa kedua akan melibatkan 100 lagi sekolah melalui aplikasi yang sama.


Perancangan untuk melibatkan organisasi kerajaan dan swasta yang lainnya juga sedang dirangka supaya mereka dapat mengambil bahagian secara aktif bagi membangunkan tenaga kerja masa depan yang akan menyumbang kepada inovasi, keusahawanan dan pembangunan Malaysia seterusnya.

Moving Forward

The next step to be taken is to further strengthen leadership competencies and skills required to lead and support the implementation of Genosis Programme within the pilot schools. Strategic training and support will be provided for all Senior and Middle leaders to enable them to explicitly define and improve the implementation of Genosis Programme, and to conduct formative assessment of teachers' and learners' development and progress.

Upon completion of the Pilot Phase in December 2020, the Genosis Programme is expected to be rolled out in 50 schools via a dedicated application. The second phase will be admission of another 100 schools via the same application.


Plans are also being made to involve other government and private organisations to actively participate in the shaping of a future workforce that will contribute to innovation, entrepreneurship, and the coming development of Malaysia.





INOVASI UNTUK
MASYARAKAT DAN
OLEH MASYARAKAT

INNOVATION FOR
& BY SOCIETY



Kemajuan Utama & Sorotan Dana Hasil Sosial (SOF)

Dana Hasil Sosial (SOF) Agensi Inovasi Malaysia (AIM) adalah model pembiayaan sosial, pembayaran untuk hasil bagi menangani 40 masalah sosial lazim yang telah dikenalpasti di dalam kajian Penilaian Kemajuan Sosial (SPA) yang telah dijalankan oleh AIM pada tahun 2016. SOF berfungsi sebagai pemangkin bagi pendanaan sosial di Malaysia dan menyediakan pulangan modal kepada Pelabur Impak bagi program-program intervensi sosial yang berjaya.

Sejak pengenalannya pada tahun 2017, AIM telah menjalankan lima program intervensi sosial di bawah SOF, iaitu tiga program pada tahun 2018 dan dua program pada tahun 2019.


AIM telah menerima pelbagai sokongan bagi program SOF. Antaranya, agensi ini telah dibantu dari segi perkhidmatan undang-undang bagi projek-projek SOF oleh Azmi & Associates secara 'pro bono' yang menjadi sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) firma tersebut sejak SOF dilancarkan pada tahun 2017.

Key Progress & Highlights On Social Outcome Fund (SOF)

Agensi Inovasi Malaysia's (AIM) Social Outcome Fund (SOF) is a payment for outcome social finance model to address 40 prevalent social issues that were identified in the Social Progress Assessment (SPA) study conducted by AIM in 2016. SOF functions as catalyst for social funding in Malaysia and provides a return of the capital to the Impact Investors for successful social intervention programmes.

Since its establishment in 2017, AIM has rolled out five social intervention programmes under the SOF, i.e. three programmes in 2018 and two programmes in 2019.

AIM has certainly received a lot of support when it comes to the SOF programme. For instance, the agency has been assisted with legal services for the SOF by Azmi & Associates on a 'pro-bono' basis as part of the legal firm's Corporate Social Responsibility (CSR) initiative, since the fund's inception in 2017.



MAKLUMAT TERKINI PROJEK-PROJEK SOF SOCIAL OUTCOME FUND PROJECT UPDATES

EMPOWERED 2 TEACH

Projek bermula (Januari 2018)
Project kick-off (January 2018)

Mencapai KPI (Disember 2018)
Achieved KPI (December 2018)



COMMUNITIES UNITE FOR PURE WATER

Projek bermula (Mei 2018)
Project kick-off (May 2018)

Mencapai KPI (April 2018)
Achieved KPI (April 2018)



THE CHILDSAFE INITIATIVE

Projek bermula (November 2018)
Project kick-off (November 2018)

Projek Berakhir (Oktober 2019)
Project Completed (October 2019)



AIM telah membayar semula pembiayaan awal yang disumbangkan oleh pembiaya swasta.
AIM has reimbursed the initial funding provided by the private funders.

Menunggu penilaian akhir oleh penilai bebas
Pending final assesment by the appointed Independent Assessor



Pelancaran SOF
Establishment Of SOF

2017

2018

2019

2020



Firma guaman menyediakan perkhidmatan undang-undang secara 'pro-bono' bagi SOF.
Legal firm providing legal services on a 'pro-bono' basis for SOF

PROGRAM INTERVENSI NASOM NASOM INTERVENTION PROGRAMME

Projek bermula (Mei 2019)
Project kick-off (Mei 2019)

Sedang berjalan
Ongoing



PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN WOW WOW ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT

Projek bermula (Jun 2019)
Project kick-off (June 2019)

Sedang berjalan
Ongoing



Pada tahun 2019, dua program intervensi sosial, iaitu Empowered 2 Teach dan Communities Unite for Purewater telah berjaya dijalankan dengan kesemua KPI tercapai berdasarkan penilaian hasil yang telah dijalankan oleh penilai bebas (independent assessor) iaitu Institut Kajian Perakaunan Universiti Teknologi MARA (ARI, UiTM). Berikutan kejayaan ini, AIM telah membayar semula jumlah pembiayaan bagi dua pembiaya swasta yang terlibat iaitu, Eco World Foundation dan YTL Power International Berhad.

(i) Empowered 2 Teach

Persatuan Suara Kanak-Kanak Malaysia (SUKA Society) telah berjaya melatih 10 orang guru Orang Asli pra-sekolah yang telah pun membuka kelas pra-sekolah mereka sendiri di 10 perkampungan Orang Asli di Kelantan dan Pahang.

(ii) Communities Unite for Purewater

Global Peace Foundation Malaysia telah menjalankan program interaksi komuniti, pembangunan komuniti dan latihan WASH, pengagihan air dan pembinaan sistem pengumpulan air hujan di dua perkampungan di Sarawak yang dihuni oleh 282 orang.

Turut berjaya ditamatkan pada tahun 2019 adalah Inisiatif Childsafe, yang kini sedang menunggu laporan penilaian akhir daripada penilai bebas. Dua lagi program, iaitu Pembangunan Keusahawanan WOW dan Program Intervensi Autisme NASOM, kini sedang berjalan dan dijangka akan berakhir pada tahun 2020.

(i) Inisiatif ChildSafe



In 2019, two social intervention programmes, i.e. Empowered 2 Teach and Communities Unite for Purewater were successfully completed with all KPIs fully achieved based on the outcome assessment conducted by independent assessor Accounting Research Institute of Universiti Teknologi MARA (ARI, UiTM). Following the achievement, AIM had reimbursed the funding for two private funders involved namely, Eco World Foundation and YTL Power International Berhad respectively.

(i) Empowered 2 Teach

Persatuan Suara Kanak-Kanak Malaysia (SUKA Society) successfully coached 10 new preschool Orang Asli teachers who started their own preschool classes at 10 Orang Asli villages in Kelantan and Pahang.

(ii) Communities Unite for Purewater

Global Peace Foundation Malaysia carried out community engagement, community development and WASH trainings, water distribution and construction of rain water harvesting system at two villages in Sarawak with 282 villagers.

Also completed in 2019 is The ChildSafe Initiative, which is currently pending its final assessment report from the independent assessor. Two other programmes - WOW Entrepreneurship Development and NASOM Autisme Intervention Programme are ongoing and expected to be completed in 2020.

(i) The ChildSafe Initiative

Persatuan Kebajikan Suriana Malaysia (Suriana) telah menamatkan projek Childsafe yang telah dijalankan selama 12 bulan, pada bulan Oktober 2019 untuk 16 buah pra-sekolah di Sarawak.

Inisiatif ChildSafe merupakan sebuah program yang dilaksanakan di peringkat pra-sekolah sebagai satu usaha bagi melindungi kanak-kanak pra-sekolah daripada risiko penderaan oleh pengurusan sekolah, guru-guru, ibu bapa, dan komuniti yang lainnya. Melalui program ini, Suriana membantu pra-sekolah dalam melaksanakan amalan terbaik untuk perlindungan kanak-kanak, khususnya kanak-kanak pra-sekolah.

(ii) Pembangunan Keusahawanan WOW

Pembangunan Keusahawanan WOW oleh Women of Will (WOW) merupakan sebuah program 12 bulan yang menaiktaraf kemudahan sosio-ekonomi 50 orang ibu tunggal B40 dengan menyediakan peluang memulakan perniagaan kecil dan menambah pendapatan. Melalui program ini, ibu tunggal akan diberikan latihan keusahawanan, latihan kemahiran, dana bantuan pembangunan perniagaan dan latihan perniagaan yang amat penting bagi mereka untuk memulakan dan menjalankan perniagaan yang menguntungkan.

Apabila perniagaan sudah berjalan dan mendatangkan keuntungan, para ibu tunggal ini kemudiannya akan membantu komuniti mereka melalui projek-projek pembangunan komuniti. Projek impak komuniti akan dijalankan, dengan sokongan para wanita ini melalui nilai pembayaran semula dana sokongan pembangunan perniagaan yang mereka terima.

Tambahan lagi, calon-calon yang terpilih akan menjalankan program latihan kepimpinan komuniti bagi mengembangkan peranan mereka sebagai pemimpin komuniti. Platform bagi penglibatan komuniti juga akan diwujudkan dengan penganjuran hari komuniti di sepanjang masa program berlangsung.



Suriana Welfare Society Malaysia (Suriana) has completed the 12 months project for The ChildSafe Initiative in October 2019 for 16 preschools in Sarawak.

The ChildSafe Initiative is a programme for preschools to implement as an effort to ensure that preschool children are well protected from the risk of abuse by involving the preschool management, teachers, parents and the larger community. Through this programme, Suriana assists the preschools to implement best practices in the protection of children, in this case, preschool children.

(ii) WOW Entrepreneurship Development

The WOW Entrepreneurship Development by Women of Will (WOW) is a 12-month programme that uplifts the socio-economic mobility of 50 B40 single mothers by providing these women with the opportunity to initiate or grow small businesses and earn an income. Through this programme, the single mothers are provided with entrepreneurship training, skills training, business development support fund and business coaching that is crucial for them to start and run a profitable business.

Once the business is up and profitable, these single mothers would, in turn, support their community through community development projects. A community impact project will be organised, supported by these women using the repayment value of business development support fund they receive.

In addition, selected candidates will undergo community leadership training programmes to develop them into role models and community leaders. Platforms for such engagements with communities are also created by organising community days throughout the programme duration.



(iii) Program Intervensi Autisme NASOM

Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) bermatlamat untuk mewujudkan sebuah Program Intervensi Autisme di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, dengan menawarkan perkhidmatan kepada 30 kanak-kanak autistik dalam lingkungan umur empat hingga 14 tahun yang menghidapi Autism Spectrum Disorder (ASD) yang teruk daripada keluarga B40/berpendapatan rendah.

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.1 Basis of Consolidation, Investment in Subsidiaries and Investment in an Associate (Continued)

(a) Subsidiaries (Continued)

Investments in subsidiaries are stated in AIM's financial statements at cost, less impairment losses, if any.

The results of subsidiaries acquired or disposed of during the financial year are included in the consolidated financial statements from the acquisition date or up to the effective date of disposal, where appropriate. Consolidated financial statements are prepared using uniform accounting policies for like transactions and other events in similar circumstances. The financial statements of AIM and its subsidiaries used in the preparation of the consolidated financial statements are prepared as of the same reporting date of 31 December 2019.

All intragroup balances, transactions, income and expenses between the AIM and Group are eliminated in full on consolidation.

(b) Associates

Associates are all entities, in which the Group has significant influence but not control, generally accompanying a shareholding of between 20% and 50% of the voting rights.

4.2 Financial Instruments

A financial instrument is any contract that gives rise to a financial asset of one entity and a financial liability or equity instrument of another entity.

Financial instruments are recognised on the statement of financial position when AIM and the Group has become a party to the contractual provisions of the instrument. At initial recognition, financial instruments are recognised at transaction price, including transaction costs. If the financial instruments are not measured at fair value through profit or loss, except a financing transaction. Financing transactions are measured at the present value of the future payments discounted at a market rate of interest for a similar debt instrument.

(a) Basic Financial Instruments

Basic financial instruments include cash, debt instruments (receivables and payables), commitments to receive loans that cannot be settled net in cash, investments in non-convertible preference shares and non-puttable ordinary or preference shares.

The financial instruments shall be measured at the end of each reporting period without any deduction for transaction costs that may be incurred on sale or other disposal.

Subsequent to initial recognition, debts instruments are measured at amortised cost using the effective interest method, whilst commitments to receive a loan are measured at cost less impairment.

A financial asset is derecognised when the contractual right to receive cash flows from the financial asset has expired or settled.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.2 Instrumen Kewangan (Sambungan)

(b) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf hanya apabila ia dihapuskan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pertukaran antara peminjam sedia ada dan pemberi pinjaman sedia ada instrumen kewangan dengan syarat yang berbeza diambil kira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Begitu juga, suatu pengubahsuaian besar syarat liabiliti kewangan sedia ada, dikira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf dalam untung atau rugi.

4.3 Rosotnilai Aset Kewangan

AIM dan Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan dirosotnilai pada akhir setiap tarikh laporan.

AIM dan Kumpulan secara kolektif mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian kebangkrutan atau kesukaran kewangan akan diterima, dan keingkar atau kelewatan ketara dalam pembayaran oleh penghutang, untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai ke atas pinjaman dan penghutang telah berlaku. Bukti objektif lain kemerosotan termasuk kadar kutipan terdahulu yang telah dipilih secara individu dan perubahan yang dapat dilihat dalam keadaan ekonomi negara atau tempatan yang secara langsung berkait rapat dengan kadar kemungkaran penghutang.

Jika ada bukti objektif sedemikian wujud, jumlah kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun dibawa bagi pinjaman dan penghutang dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurangan dan secara objektif berkaitan dengan peristiwa yang berlaku selepas rosotnilai diiktiraf, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan ke tahap di mana amaun dibawa aset tidak melebihi kos yang dilunaskan pada tarikh pembalikan. Jumlah rosotnilai yang dibalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

4.4 Hartanah dan Peralatan

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset.

Aset yang berikutnya adalah termasuk di dalam aset yang dibawa atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian hanya apabila kos ditanggung dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset akan mengalir kepada AIM atau Kumpulan dan kos itu boleh diukur dengan pasti. Kos harian hartanah, loji dan peralatan dinyatakan di dalam untung atau rugi. Kos juga terdiri daripada anggaran awal menanggalkan dan mengeluarkan aset dan memulihkan kawasan di mana ia terletak dan AIM atau Kumpulan bertanggungjawab untuk menanggung apabila aset diperoleh, jika berkenaan.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.2 Financial Instruments (Continued)

(b) Financial Liabilities

A financial liability is derecognised only when it is extinguished, i.e. when the obligation specified in the contract is discharged, cancelled or expires. An exchange between an existing borrower and lender of financial instruments with substantially different terms are accounted for as an extinguishment of the original financial liability and the recognition of a new financial liability. Similarly, a substantial modification of the terms of an existing financial liability is accounted for as an extinguishment of the original financial liability and the recognition of a new financial liability.

Any difference between the carrying amount of a financial liability extinguished or transferred to another party and the consideration paid, including any non cash assets transferred or liabilities assumed, is recognised in profit or loss.

4.3 Impairment of Financial Assets

AIM and the Group assesses whether there is any objective evidence that a financial asset is impaired at the end of each reporting period.

AIM and the Group collectively considers factors such as the probability of bankruptcy or significant financial difficulties of the receivable, and default or significant delay in payments by the receivable, to determine whether there is objective evidence that an impairment loss on loans and receivables has occurred. Other objective evidence of impairment include historical collection rates determined on an individual basis and observable changes in national or local economic conditions that are directly correlated with the historical default rates of receivables.

If any such objective evidence exists, the amount of impairment loss is measured as the difference between the financial asset's carrying amount and the present value of estimated future cash flows discounted at the financial asset's original effective interest rate. The impairment loss is recognised in profit or loss.

The carrying amount of loans and receivables are reduced through the use of an allowance account.

If in a subsequent period, the amount of the impairment loss decreases and it objectively relates to an event occurring after the impairment was recognised, the previously recognised impairment loss is reversed to the extent that the carrying amount of the asset does not exceed its amortised cost at the reversal date. The amount of impairment reversed is recognised in profit or loss.

4.4 Property and Equipment

All items of property and equipment are initially measured at cost. Cost includes expenditures that is directly attributable to the acquisition of the assets.

Subsequent costs are included in the asset's carrying amount or recognised as a separate asset, as appropriate, only when the cost is incurred and it is probable that the future economic benefits associated with the asset will flow to the Group or AIM, and the cost of the asset can be measured reliably. The costs of the day-to-day servicing of property and equipment are recognised in profit or loss as incurred. Cost also comprises the initial estimate of dismantling and removing the asset and restoring the site on which it is located for which the AIM or Group is obligated to incur when the asset is acquired, if applicable.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.4 Hartanah dan Peralatan (Sambungan)

Setiap hartanah dan peralatan dengan kos yang ketara berhubung dengan jumlah kos aset dan yang mempunyai jangka hayat yang berbeza, disusutnilai secara berasingan.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul.

Kerja Dalam Proses tidak disusutnilaikan. Susutnilai untuk Hartanah dan Peralatan lain dikira untuk menghapus kira kos atau penilaian aset kepada nilai sisa mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat penggunaannya. Tempoh dan kadar utama susutnilai adalah seperti berikut:

	Peratusan Tahunan
Komputer, Perisian dan Peralatan	33.33%
Peralatan Projek	33.33%
Kenderaan Bermotor	20%
Perabot, Lekapan dan Kelengkapan	20%
Peralatan Pejabat	20%
Pengubahsuaian	20%

Pada setiap tarikh pelaporan, amaun dibawa item hartanah dan peralatan dinilai untuk penjejasan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa tidak boleh diperolehi semula. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawa melebihi jumlah yang boleh diperolehi. (Lihat Nota 4.6 kepada penyata kewangan berhubung kemerosotan nilai aset)

Nilai sisa, hayat digunakan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susutnilai adalah konsisten dengan anggaran terdahulu dan jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi masa depan dalam perkara hartanah dan peralatan. Jika jangkaan berbeza daripada anggaran sebelumnya, perubahan diambil kira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.

Amaun dibawa ke hadapan seperti butiran hartanah dan peralatan yang tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian dan lebihan penilaian semula yang berkaitan dengan aset-aset, jika ada, akan dipindahkan ke pendapatan tertahan.

4.5 Pelaburan Lain

Pelaburan semasa lain dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih.

4.6 Rosotnilai Aset

Amaun yang dibawa aset, selain daripada aset kewangan, dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah boleh pulih aset akan dianggarkan.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.4 Property and Equipment (Continued)

Each part of an item of property and equipment with the cost that is significant in relation to the total cost of the asset and which has different useful life, is depreciated separately.

After initial recognition, property and equipment are stated at cost less any accumulated depreciation and any accumulated impairment losses.

Work in progress is not depreciated. Depreciation is calculated to write off the cost or valuation of the assets to their residual values on a straight line basis over their estimated useful lives. The principal depreciation periods and rates are as follows:

	Annual Percentage
Computer, Software and Peripherals	33.33%
Project Equipment	33.33%
Motor Vehicles	20%
Furniture, Fixtures and Fittings	20%
Office Equipment	20%
Renovation	20%

At each reporting date, the carrying amount of an item of property and equipment is assessed for impairment when events or changes in circumstances indicate that its carrying amount may not be recoverable. A write down is made if the carrying amount exceeds the recoverable amount. (See Note 4.6 to the financial statements on impairment of asset)

The residual values, useful lives and depreciation method are reviewed at each financial year end to ensure that the amount, method and period of depreciation are consistent with previous estimates and the expected pattern of consumption of the future economic benefits embodied in the items of property and equipment. If expectations differ from previous estimates, the changes are accounted for as a change in an accounting estimate.

The carrying amount of an item of property and equipment is derecognised on disposal or when no future economic benefits are expected from its use or disposal. The difference between the net disposal proceeds, if any, and the carrying amount is included in profit or loss and the revaluations surplus related to those assets, if any, is transferred directly to retained earnings.

4.5 Other Investments

Other investments are stated at the lower of cost and net realisable value.

4.6 Impairment of Assets

The carrying amounts of the assets, other than financial assets, are reviewed at each reporting date to determine whether there is any indication of impairment. If any such indication exists, the asset's recoverable amount is estimated.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.6 Rosotnilai Aset (Sambungan)

Jumlah boleh diperolehi semula sesuatu aset dianggarkan bagi aset individu. Di mana ia tidak mungkin untuk menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi aset individu, ujian rosotnilai yang dijalankan di unit penjana tunai (CGU) di mana aset diklasifikasikan.

Jumlah boleh diperolehi semula aset atau CGU adalah kos yang lebih tinggi daripada nilai saksama tolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menganggarkan nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masuk dan keluar masa depan yang akan diperolehi daripada penggunaan berterusan aset dan daripada pelupusan terakhir didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai matawang dan risiko khusus kepada aset yang anggaran masa hadapan aliran tunai belum dilaraskan.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi apabila amaun dibawa aset atau CGU, melebihi amaun boleh pulih aset atau CGU. Jumlah kerugian rosotnilai diperuntukkan kepada aset CGU pada asas pro-kadar amaun dibawa bagi setiap aset di dalam CGU. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan serta-merta.

Kerugian dalam penurunan nilai hanya berbalik ke tahap di mana amaun dibawa aset tidak melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian dalam penurunan nilai telah diiktiraf. Timbal balik tersebut diiktiraf sebagai pendapatan serta merta dalam penyata pendapatan.

4.7 Matawang Asing - Urusniaga Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang asing pada awalnya, ditukar pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Pada tarikh pelaporan, aset dan liabiliti kewangan, jika ada, disebut dalam matawang asing ditukar semula kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh berkenaan. Perbezaan matawang asing yang timbul disebabkan penukaran semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Aset dan liabiliti bukan kewangan disebut dalam matawang asing yang diukur pada kos sejarah ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bukan kewangan disebut dalam matawang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan.

4.8 Inventori

Inventori dinyatakan pada paras terendah antara kos dan nilai direalisasi bersih. Kos merangkumi kos pembelian, kos penukaran dan lain-lain kos yang dikenakan dalam membawa inventori kepada keadaan dan lokasi semasanya. Kos ditentukan mengikut kaedah masuk-dahulu keluar-dahulu. Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan tolak anggaran kos-kos yang perlu untuk membuat jualan.

4.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan setara tunai termasuk tunai dan baki bank, deposit dan lain-lain jangka pendek, pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit dicagarkan, jika ada.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.6 Impairment of Assets (Continued)

The recoverable amount of an asset is estimated for an individual asset. Where it is not possible to estimate the recoverable amount of the individual asset, the impairment test is carried out on the cash generating unit (CGU) to which the asset belongs.

The recoverable amount of an asset or CGU is the higher of its fair value less cost to sell and its value in use.

In estimating the value in use, the estimated future cash inflows and outflows to be derived from continuing use of the asset and from its ultimate disposal are discounted to their present value using a pre-tax discount rate that reflects current market assessments of the time value of money and the risks specific to the asset for which the future cash flow estimates have not been adjusted.

An impairment loss is recognised in profit or loss when the carrying amount of the asset or the CGU, exceeds the recoverable amount of the asset or the CGU. The total impairment loss is allocated to the assets of the CGU on a pro-rate basis of the carrying amount of each asset in the CGU. The impairment loss is recognised in the statement of comprehensive income immediately.

An impairment loss is only reversed to the extent that the asset's carrying amount does not exceed the carrying amount that would have been determined, net of depreciation or amortisation, if no impairment loss had been recognised. Such reversals are recognised as income immediately in the statement of comprehensive income.

4.7 Foreign Currency - Foreign Currency Transactions

Transactions in foreign currencies are initially translated at the exchange rate at the dates of the transactions.

At the reporting date, foreign currency monetary assets and liabilities are translated into Ringgit Malaysia at the exchange rate ruling at that date. Exchange differences arising on the settlement or translation of monetary items are recognised in the statement of comprehensive income.

Non-monetary assets and liabilities measured at historical cost in a foreign currency are translated using exchange rates at the date of the transactions. Non-monetary assets and liabilities measured at fair value in a foreign currency are translated using exchange rates at the date when the fair value was determined.

4.8 Inventories

Inventories are stated at the lower of cost and net realisable value. Cost comprises direct materials, direct labour costs and overheads, where applicable, that have been incurred in bringing the inventories to their present location and condition. Cost is determined on First-in First-out basis. Net realisable value is the estimated selling price in the ordinary course of business less the estimated costs necessary to make the sale.

4.9 Cash and Cash Equivalents

Cash and cash equivalents include cash and bank balances, deposits and other short term, highly liquid investments which are readily convertible to cash and are subject to insignificant risk of changes in value. For the purpose of the statement of cash flows, cash and cash equivalents are presented net of bank overdrafts and pledged deposits, if any.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.10 Geran Kerajaan

Geran kerajaan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa AIM atau Kumpulan akan mematuhi syarat yang dilampirkan kepada geran dan geran tersebut akan diterima.

Geran kerajaan berkaitan dengan Kumpulan Wang Inovasi diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik pada tempoh yang diperlukan bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan pembangunan yang dijangkakan untuk dibayar. Baki geran untuk Kumpulan Wang Inovasi yang belum dilunaskan akan dinyatakan dalam lembaran imbalan sebagai geran tertunda, selaras dengan Seksyen 24 “Geran Kerajaan”.

Geran kerajaan berkaitan dengan Kumpulan Wang Operasi diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik pada tempoh yang diperlukan bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dijangkakan untuk dibayar.

4.11 Hasil

Hasil diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau akan diterima bersih selepas diskaun dan rebat.

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan faedah ekonomi yang dikaitkan dengan urusanniaga akan mengalir masuk ke AIM atau Kumpulan, dan jumlah hasil dan kos yang ditanggung atau akan ditanggung berkenaan dengan urusanniaga boleh diukur dengan munasabah dan pengiktirafan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi aktiviti AIM dan Kumpulan seperti berikut:

- (i) Pendapatan faedah diiktiraf adalah berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.
- (ii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran telah ditentukan.
- (iii) Hasil daripada perkhidmatan mewakili nilai invois yang dikemukakan daripada perkhidmatan pengurusan, tenaga kerja, perundingan dan latihan dan diiktiraf selepas pelaksanaan perkhidmatan.

4.12 Manfaat Kakitangan

4.12.1 Manfaat Jangka Pendek Kakitangan

Upah, gaji dan bonus serta caruman keselamatan sosial kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan apabila kakitangan telah memberikan perkhidmatan mereka kepada AIM.

Bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ada masa ini, kewajipan undang-undang atau konstruktif untuk membuat bayaran itu, akibat daripada peristiwa yang lepas dan apabila anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada jumlah obligasi.

4.12.2 Pelan Caruman Wajib

AIM membuat caruman berkanun kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), bagi kakitangan yang layak. Sumbangan-sumbangan ini diiktiraf sebagai liabiliti selepas ditolak apa-apa sumbangan yang telah dibayar dan sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana kakitangan memberi perkhidmatan mereka.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.10 Government Grants

Government grants are recognised in the financial statements when there is reasonable assurance that the Group or AIM will comply with the conditions attached to the grants and the grants will be received.

Government grants relating to the Innovation Fund are recognised in the income statement on a systematic basis over the periods necessary to match them with the related development expenses which they are intended to compensate. The unamortised Innovation Fund grants will be shown in the balance sheet as deferred, in accordance with the requirements of Section 24 “Government Grants”.

Government grants relating to Operational Fund are recognised in the income statement on a systematic basis over the periods necessary to match them with the related costs which they are intended to compensate.

4.11 Revenue

Revenue is measured at the fair value of the consideration received or receivable net of discounts and rebates.

Revenue is recognised to the extent that it is probable that the economic benefits associated with the transaction will flow to the AIM or Group, and the amount of revenue and the cost incurred or to be incurred in respect of the transaction can be reliably measured and specific recognition criteria have been met for the AIM’s and Group’s activity as follows:

- (i) Interest income is recognised using the effective interest method, and accrued on a timely basis.
- (ii) Dividend income is recognised when the rights to receive payment is established.
- (iii) Revenue from services represents the invoiced value arising from management, manpower, consultancy and training services and is recognised upon performance of service.

4.12 Employee Benefits

4.12.1 Short Term Employee Benefits

Wages, salaries, social security contributions and bonuses are recognised as an expense in the financial year when employees have rendered their services to AIM.

Bonuses are recognised as an expense when there is a present, legal or constructive obligation to make such payments, as a result of past events and when a reliable estimate can be made of the amount of the obligation.

4.12.2 Defined Contribution Plan

AIM makes statutory contributions to the Employees’ Provident Fund (EPF) and the Retirement Fund Incorporated, for eligible employees. These contributions are recognised as liability after deducting any contribution already paid and as an expense in the year in which the employees render their services.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.13 Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan dalam penyata pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda.

4.13.1 Cukai Semasa

Cukai semasa untuk tahun semasa dan tahun sebelumnya, setakat yang belum dibayar, diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Sekiranya jumlah yang telah dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan sebelumnya melebihi amaun yang terhutang untuk tempoh tersebut, lebihan diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Cukai semasa bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya diukur pada amaun yang dijangka akan diperoleh daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang telah digubal atau digubal secara substansial pada tarikh pelaporan.

4.13.2 Cukai Tertunda

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang timbul di antara amaun dibawa aset atau liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukai.

Cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, melainkan cukai tertunda timbul daripada muhibah atau pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusan yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusan, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Amaun dibawa aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan. Jika ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan manfaat sebahagian atau semua aset cukai tertunda digunakan, jumlah dibawa aset cukai tertunda akan dikurangkan sewajarnya. Apabila ia menjadi kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia, pengurangan itu akan berbalik kepada tahap keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama ada:

- (i) Entiti yang boleh dikenakan cukai yang sama; atau
- (ii) Perbezaan entiti yang boleh dikenakan cukai yang berhasrat sama ada untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa pada asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak, dalam setiap tempoh masa depan di mana sejumlah besar aset atau liabiliti cukai tertunda dijangka akan diselesaikan atau pulih.

Cukai tertunda akan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tahun kecuali cukai yang berkaitan dengan barangan yang dikreditkan atau dicaj, dalam sama atau tempoh yang berlainan, secara langsung kepada ekuiti, di mana cukai tertunda akan dicaj atau dikreditkan terus ke ekuiti.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.13 Income Taxes

Income taxes in the statement of comprehensive income comprise of current tax and deferred tax.

4.13.1 Current Tax

Current tax for current and prior periods, to the extent unpaid, is recognised as a current tax liability. If the amount already paid in respect of current and prior periods exceeds the amount due for those periods, the excess is recognised as a current tax asset.

Current tax for the current and prior years are measured at the amount expected to be recovered from or paid to the taxation authorities. The tax rates and tax laws used to compute the amount are those that have been enacted or substantively enacted by the reporting date.

4.13.2 Deferred Tax

Deferred tax is recognised in full using the liability method on temporary differences arising between the carrying amount of an asset or liability in the statement of financial position and its tax base.

Deferred tax is recognised for all temporary differences, unless the deferred tax arises from goodwill or the initial recognition of an asset or liability in a transaction which is not a business combination and at the time of transaction, affects neither accounting profit nor taxable profit.

A deferred tax asset is recognised only to the extent that it is probable that taxable profits will be available against which the deductible temporary differences, unused tax losses and unused tax credits can be utilised. The carrying amount of a deferred tax asset is reviewed at each reporting date. If it is no longer probable that sufficient taxable profits will be available to allow the benefit of part or all of that deferred tax asset to be utilised, the carrying amount of the deferred tax asset will be reduced accordingly. When it becomes probable that sufficient taxable profits will be available, such reductions will be reversed to the extent of the taxable profits.

Deferred tax assets and liabilities are offset when there is a legally enforceable right to set off current tax assets against current tax liabilities and when the deferred income taxes relate to the same taxation authority on either:

- (i) the same taxable entity; or
- (ii) different taxable entities which intend either to settle current tax liabilities and assets on a net basis, or to realise the assets and settle the liabilities simultaneously, in each future period in which significant amounts of deferred tax liabilities or assets are expected to be settled or recovered.

Deferred tax will be recognised as income or expense and included in the profit or loss for the year unless the tax relates to items that are credited or charged, in the same or a different period, directly to equity, in which case the deferred tax will be charged or credited directly to equity.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.13 Cukai Pendapatan (Sambungan)

4.13.2 Cukai Tertunda (Sambungan)

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada tahun apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh pelaporan.

4.14 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan telah berkuatkuasa pada 1 April 2015. AIM adalah pembekal yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Implikasi kepada AIM adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Cukai output dikenakan ke atas pembekalan bercukai seperti perkhidmatan pengurusan dan perkhidmatan tenaga kerja yang diberikan oleh AIM. Cukai output dikenakan pada kadar standard sebanyak 6%.

(ii) Cukai Input

AIM menuntut GST (cukai input) untuk semua perolehan berkaitan bekalan atau perkhidmatan dikenakan pada kadar standard sebanyak 6%. Geran yang diterima daripada Kerajaan dan geran yang disediakan oleh AIM kepada subsidiari adalah “Out-Of-Scope” di bawah perundangan GST.

4.15 Cukai Jualan dan Perkhidmatan

Dengan penyingkiran Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 2014, AIM dan Platcom Ventures Sdn Bhd didaftarkan di bawah Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 2018 yang berkuatkuasa pada 1 September 2018. Sebagai perkhidmatan berdaftar, cukai perkhidmatan sebanyak 6% dikenakan ke atas semua perkhidmatan bercukai yang disediakan.

4.16 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila AIM atau Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Peruntukan diukur menggunakan anggaran terbaik bagi jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Perbelanjaan berkaitan peruntukan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

4.17 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam nota-nota kepada penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan AIM atau Kumpulan keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.13 Income Taxes (Continued)

4.13.2 Deferred Tax (Continued)

Deferred tax assets and liabilities are measured at the tax rates that are expected to apply to the year when the asset is realised or the liability is settled, based on tax rates and tax laws that have been enacted or substantively enacted by the reporting date.

4.14 Goods and Service Tax (GST)

The implementation of the Goods and Services Tax came into force on 1 April 2015. AIM is a “registered person” under the Goods and Services Tax Act 2014 as AIM provides taxable supplies. Implication to AIM are as follow:

(i) Output tax

Output tax is charged on taxable supplies such as management services and manpower services provided by AIM. The output tax is charged at a standard rate of 6%.

(ii) Input tax

AIM claims GST (input tax) for all related procurement of supplies or services charged at standard rate of 6%. Grants received from the Government and grants provided by AIM to it's subsidiaries are “Out of Scope” under GST regime.

4.15 Sales and Service Tax

With the removal of Goods and Services (GST) Act 2014, AIM and Platcom Ventures Sdn. Bhd. are registered under the Sales and Service Tax (SST) Act 2018 which came to force on 1st September 2018. As a registered service a service tax of 6% is charged on all taxable services provided.

4.16 Provisions

Provisions are recognised when the AIM or Group have present obligation, legal or constructive, as a result of a past event, when it is probable that an outflow of resources embodying economic benefits will be required to settle the obligation and a reliable estimate can be made of the amount of the obligation. Provisions are measured using the best estimate of the amount required to settle the obligation. Expenses related to provisions are recognized in the statement of comprehensive income.

4.17 Contingent Liabilities and Contingent Assets

A contingent liability is a present obligation that is not recognised because it is not probable that an outflow of resources will be required to settle the obligation or in extremely rare cases whereby there is a liability that cannot be recognised because it cannot be measured with sufficient reliability. The contingent liability is not recognised but instead is disclosed in the financial statements. A possible obligation that arises from past events whose existence will be confirmed only by the occurrence or non-occurrence of one or more uncertain future events not wholly within the control of the AIM or Group is also disclosed as a contingent liability unless the probability of outflow or economic resources is remote.

AGENSI INOVASI MALAYSIA NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.17 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (Sambungan)

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh AIM atau Kumpulan. AIM dan Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya sekiranya aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

4.18 Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan

Penyediaan Penyata Kewangan AIM dan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan yang disertakan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan pelarasan ketara kepada amaun dibawa bagi aset atau liabiliti yang terjejas pada masa depan.

4.18.1 Pertimbangan

Dalam proses menggunakan dasar perakaunan AIM dan Kumpulan, pihak pengurusan membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan.

(i) Rosotnilai Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu.

AIM dan Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat bersekutu mungkin mengalami rosotnilai pada setiap tarikh pelaporan.

AIM dan Kumpulan menentukan sama ada pelaburannya mengalami penjejasan berikutan tanda-tanda rosotnilai seperti, antara lain, penurunan nilai berpanjangan di antara nilai pasaran atau nilai saksama dan amaun dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan prestasi kewangan pelaburan merosot disebabkan oleh perubahan yang diperhatikan dalam persekitaran ekonomi.

(ii) Rosotnilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang Dan Aset Kewangan Sedia Dijual

AIM dan Kumpulan mengkaji Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dan Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa pelaburannya mengalami rosotnilai. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan itu adalah tertakluk kepada kajian rosotnilai.

Dalam menjalankan kajian rosotnilai, pertimbangan AIM dan Kumpulan diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosotnilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

AGENSI INOVASI MALAYSIA NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019

(Continued)

4. Significant Accounting Policies (Continued)

4.17 Contingent Liabilities and Contingent Assets (Continued)

A contingent asset is a possible asset that arises from past events whose existence will be confirmed only by the occurrence or non-occurrence of one or more uncertain future events not wholly within the control of the AIM or Group. AIM or Group does not recognise contingent assets in the financial statements but discloses its existence where inflows of economic benefits are probable, but not virtually certain.

4.18 Significant Accounting Estimates and Judgments

The preparation of consolidated financial statements of the Group and the separate financial statements of AIM requires management to make judgments, estimates and assumptions that affect the reported amounts of revenues, expenses, assets and liabilities, and the accompanying disclosures, and the disclosure of contingent liabilities. Uncertainty about these assumptions and estimates could result in outcomes that require a material adjustment to the carrying amount of assets or liabilities affected in future periods.

4.18.1 Judgment

In the process of applying Aim's and Group's accounting policies, management has made the following judgments, which have the most significant effect on the amounts recognised in the Consolidated Financial Statements:

(i) Impairment of Investment in Subsidiaries and Investment in an Associate

AIM and Group assess whether there is any indication that the investment in a subsidiary companies and interest in an associated company may be impaired at each reporting date.

AIM and Group determines whether its investments are impaired following certain indications of impairment such as, amongst others, prolonged shortfall between market value and carrying amount, significant changes with adverse effects on the investment and deteriorating financial performance of the investment due to observe changes in the economic environment.

(ii) Impairment of Held to Maturity and Available For Sale Financial Assets

AIM and Group review their Investment Assets Held-To-Maturity and Financial Assets Available-For-Sale at each reporting date to assess whether there are any objective evidence that these investments are impaired. If there are indicators or objective evidence, these investments are subject to impairment review.

In carrying out the impairment review, AIM's and Group's judgments are required. Determining whether the investment is impaired based on certain indicators such as, amongst others, prolonged decline in fair value, significant financial difficulties of the issuers or obligors, the disappearance of an active trading market and deterioration of the credit rating of the issuers or obligors.

AGENSI INOVASI MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(Sambungan)

4. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

4.18 Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Sambungan)

4.18.2 Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah.

Rosotnilai atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu.

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset tersebut tertakluk kepada semakan rosotnilai. Kajian rosotnilai meliputi perbandingan di antara amaun dibawa pelaburan dan anggaran jumlah jangkaan pelaburan boleh pulih.

Bergantung kepada sifat dan lokasi pelaburan, pertimbangan dibuat oleh AIM dan Kumpulan untuk memilih kaedah penilaian sesuai seperti, antara lain, nilai aset bersih, aliran tunai masa hadapan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan sebut harga pasaran urusniaga yang paling terkini.

Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, AIM dan Kumpulan membuat andaian tertentu mengenai masa hadapan untuk menganggarkan jumlah yang boleh pulih daripada pelaburan secara individu. Andaian ini dan lain-lain sumber anggaran yang tidak pasti pada tarikh laporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap nilai dibawa pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya.

